



13 OCT, 2025

Belanjawan 2026 bukti persekutuan komited selesai isu air, elektrik Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Belanjawan 2026 bukti Persekutuan komited selesai isu air, elektrik Sabah

Iskandar Dzulkifli

PAPAR: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali menyambut baik Peruntukan Pembangunan (DE) berjumlah RM6.9 billion untuk Sabah menerusi Belanjawan 2026 yang diumumkan pada Jumaat lalu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Papar berkata ia membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membantu menyelesaikan isu air dan elektrik di negeri ini yang merupakan isu diwarisi sekian lama.

Selain itu katanya Kerajaan Persekutuan turut mengumumkan RM1.2 billion untuk kestabilan bekalan elektrik di Sabah dan daripada komponen itu RM880 juta adalah subsidi sokongan takrif, subsidi bahan api dan subsidi solar berskala besar.

"RM189.8 juta juga telah diperuntukan di bawah projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang dilaksanakan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKLW).

"RM128 lagi diperuntukan bagi pelaksanaan projek-projek sambungan bekalan elektrik yang dilaksanakan Pasukan Projek Khas bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra).

"Kerajaan Persekutuan turut memperuntukkan RM765 juta untuk Pembinaan Rangkaian Grid Elektrik-Projek Southern Link bagi melengkapkan grid elektrik di seluruh wilayah ini khususnya di Pantai Timur Sabah.

"Ia melibatkan jarak 330 kilometer (km) dengan kapasiti 275 kilo volt (kV) manakala pelaksanaan fasa satu projek sepanjang 60km ini sedang dalam pembinaan," katanya pada sidang media sempena MoU di antara WSG Group, WK Konsortium dengan 10 Star Cinemas pada Sabtu.

Sehubungan itu katanya peruntukan diumumkan dalam Belanjawan 2026 akan membolehkan pelaksanaan projek fasa kedua diteruskan meliputi Sipitang, Tenom, Kalabakan dan Tawau.

Menurutnya perancangan melengkapkan rangkaian grid di Sabah telah dibuat sejak tahun 1980an dan telah dipohon sejak lebih 10 tahun lalu semasa kuasa awal selia berada di bawah Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Tenaga (EC).

"Keperluan yang dikenali Projek Southern Link ini telah dipohon sejak 10 tahun lalu tetapi tidak pernah diluluskan namun Belanjawan 2026 menyaksikan Kerajaan Persekutuan mengumumkan RM765 juta untuk meneruskan projek ini.

"Komitmen ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan walaupun kuasa kawal selia tenaga telah diambil alih Kerajaan Negeri melalui Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) bermula tahun 2024 menerusi penyerahan kuasa kawal selia daripada EC.

"Sementara itu majoriti pegangan saham Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) yang menyediakan perkhidmatan bekalan elektrik di seluruh Sabah dan Labuan masih kekal dimiliki Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya.